

## Kadar pengangguran turun pada suku kedua tahun ini

**KUALA LUMPUR** - Kadar pengangguran rakyat Malaysia turun 0.3 peratus pada suku kedua tahun ini iaitu kepada 4.8 peratus berbanding 5.1 peratus yang dicatat pada tempoh yang sama 2020, Dewan Rakyat di-beritahu pada Selasa.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan berkata, bagi kedudukan pengangguran di peringkat negeri pada suku kedua tahun ini, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah mencatat kadar pengangguran lebih lapan peratus iaitu masing-masing pada kadar 8.8 peratus dan 8.7 peratus.

"Ini menunjukkan daripada 100 orang tenaga buruh di negeri itu, sembilan orang daripadanya adalah penganggur," katanya menjawab soalan **Datuk Ahmad Jazlan Yaakob (UMNO-Machang)** yang ingin tahu mengenai kadar pengangguran rakyat Malaysia mengikut negeri sehingga Ogos tahun ini pada persidangan Dewan Rakyat di sini pada Selasa.

Saravanan berkata, bagi tempoh sama, Perlis mencatatkan kadar pengangguran 5.3 peratus manakala enam negeri mencatatkan kadar pengangguran lebih 4 peratus iaitu Kelantan (4.8 peratus), Kuala Lumpur (4.7 peratus), Perak, Selangor dan Sarawak masing-masing 4.4 peratus serta Terengganu pada kadar 4.2 peratus.

"Enam negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan mencatatkan kadar pengangguran antara 3.5 peratus ke 3.9 peratus.

"Kadar pengangguran terendah pula adalah di Wilayah Persekutuan Putrajaya pada kadar 1.7 peratus. Ini dapat dikaitkan dengan penglibatan tinggi penduduk kawasan ini yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam," katanya.

Saravanan berkata, terdapat tujuh negeri mencatatkan kadar pengangguran di bawah 4 peratus, menggambarkan ekonomi negeri berkenaan masih beroperasi dengan guna tenaga penuh.

Pada masa sama, penurunan bilangan penganggur direkodkan di tujuh negeri iaitu Sabah, Perak, Sarawak, Kedah, Johor, Negeri Sembilan dan Putrajaya, kata beliau.

Bagaimanapun ujarnya, Selangor mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan penduduk bekerja, namun bilangan penganggur di negeri itu turut meningkat sebanyak 2.3 peratus ini 3,700 orang daripada 161,000 kepada 165,000 orang. - Bernama



**SARAVANAN**